Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS dan berbanding rakan perdagangan utamanya

Ringgit menambah nilai sejajar dengan rakan perdagangan utama berikutan peralihan ke arah pelonggaran dasar monteri oleh Rizab Persekutuan AS

Prestasi Indeks Dolar AS dan mata wang serantau berbanding dolar AS,
% sejak awal tahun sehingga kini dan antara suku tahun ke suku tahun



Nilai ringgit bertambah berbanding dengan rakan perdagangan utama

NEER S3 2024: +9.9%
S2 2024: 1.6%

[1] Sejak awal tahun (year-to-date, YTD) hingga 13 November 2024. Angka pada rajah palang ialah angka YTD.
Nota: NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor global dan dalam negeri

Kadar hasil bon menurun

selaras dengan rakan serantau disebabkan oleh pelonggaran dasar monetari global

Kadar hasil MGS 10 tahun -15 mata asas
(S2 2024: +1 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat

berikutan aliran masuk asing bersih, didorong oleh jangkaan perolehan korporat dalam negeri yang lebih kukuh

KLCI +3.7% suku tahun ke suku tahun
(S2 2024: +3.5%)

Faktor-faktor utama

Jangkaan pemotongan kadar selanjutnya oleh Rizab Persekutuan AS menyebabkan kelemahan nilai dolar AS pada suku tersebut yang seterusnya memacu penambahan nilai mata wang serantau

Pertumbuhan kukuh, peningkatan pelaburan dan komitmen terhadap pembaharuan menggalakkan keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP, Bursa Malaysia dan Bloomberg

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank dan kadar deposit tetap mencatatkan penurunan pada suku ketiga

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 bulan menurun sedikit** kepada 3.55%, manakala kadar antara bank juga menurun pada suku ketiga.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun sedikit** antara 1 hingga 3 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan, yang mencerminkan pelarasan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana mereka.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit** pada suku ketiga, terutamanya untuk pinjaman perniagaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pengantaraan kewangan kekal disokong oleh mudah tunai sistem perbankan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan pada akhir suku ketiga menurun** dalam keadaan suntikan mudah tunai yang lebih sedikit oleh BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan dana semalaman di BNM pada akhir bulan September 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit bagi perniagaan menjadi sederhana, manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal berterusan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,[1]
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



[1] Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]

4.8%
S2 2024: 5.5%

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul[3] lebih perlahan (5.5%; S2 2024: 6%), berikutan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang sederhana.
- Pertumbuhan bon korporat juga menurun kepada 2.1% (S2 2024: 3.4%), berikutan pertumbuhan penebusan yang lebih kukuh.

Pinjaman Perniagaan

4.5%
S2 2024: 5.7%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan lebih sederhana pada 4.5% (S2 2024: 5.7%), berikutan pertumbuhan pinjaman kepada bukan PKS yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman PKS terus menggalakkan (8.8%, S2 2024: 9.5%).
- Mengikut sektor, pertumbuhan pinjaman untuk sektor perkhidmatan berterusan manakala pertumbuhan pinjaman bagi sektor perkilangan dan pembinaan menjadi sederhana.

Pinjaman Isi Rumah

6.1%
S2 2024: 6.2%

- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman kekal stabil, didorong oleh pinjaman untuk pembelian rumah dan kereta.
- Pertumbuhan permohonan pinjaman isi rumah terus menggalakkan dengan kadar kelulusan yang mampan.

[2] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[3] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
Sumber: Bank Negara Malaysia